

21/05/1997

Lembah Sungai Johor pusat baru pentadbiran

Saodi Mat Atar

JOHOR BAHRU, Selasa - Lembah Sungai Johor akan dibangunkan sebagai Pusat Pentadbiran baru Kerajaan Negeri bermula dengan pembinaan lebuh raya dan jambatan merentangi sungai itu yang berharga RM1 bilion.

Lebuh raya sepanjang 25 kilometer itu menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan di Senai ke jambatan sepanjang 4.5 kilometer merentangi muara Sungai Johor dan menuju ke Desaru.

Pembinaan lebuh raya itu membabitkan kos RM250 juta manakala jambatan berkenaan dijangka menelan belanja RM750 juta.

Kedua-dua infrastruktur itu dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan sepanjang Sungai Johor sebagai pusat pertumbuhan baru ekonomi berasaskan pelancongan dan suasana kehidupan di gigi air, selain pusat pentadbiran kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Kecil Sederhana dan Kerajaan Tempatan, Adam Abdul Hamid, berkata rancangan itu direstui Perdana Menteri dan laporan mengenainya akan dibentangkan ke Kabinet sebelum kerja-kerja pembinaan dijangka dimulakan hujung tahun ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah meninjau kawasan sekitar Lembah Sungai Johor itu ketika melawat negeri ini Mac lalu apabila dibawa menyusuri sungai berkenaan.

Kajian pembangunan di sepanjang Sungai Johor itu sedang dilaksanakan oleh Institut Sultan Iskandar (ISI) bersekali dengan kajian pembangunan Daerah Pontian dengan belanja RM10 juta.

Adam berkata, Dr Mahathir sudah mengarahkan Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri supaya menyediakan kertas cadangan pembinaan lebuh raya dan jambatan merentangi Sungai Johor itu.

"Kajian dilakukan oleh ISI pula akan mewujudkan pelan untuk menjadi panduan kepada corak pembangunan bakal dilaksanakan di seluruh lembah sungai itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu beliau mewakili Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, untuk menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara ISI dan tiga penaja yang membiayai kajian itu.

Kos kajian sepanjang sungai Johor dan Daerah Pontian itu dibiayai oleh Pembangunan Semenanjung Selatan Sdn Bhd, Urus Zaman Holdings Sdn Bhd dan Campenon Bernard SGE dari Perancis.

Lembah Sungai Johor yang terletak di Selatan di negeri ini kaya dengan alam semula jadi hutan bakau yang memerlukan strategi pembangunan tanpa mengetepikan unsur ekologi.

Kajian pembangunan Daerah Pontian pula meliputi kawasan seluas 920 kilometer persegi termasuk tanah hujung Benua Asia di Tanjung Piai, dengan mengambil kira potensi ekonomi dari segi kedudukannya dalam pertumbuhan segi tiga Malaysia-Singapura-Indonesia.

Selain itu, Campenon Bernard yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang kejuruteraan, pembinaan dan pengurusan projek teknologi tinggi turut mewujudkan Kerusi Kajian di ISI bagi tujuan latihan dan pemindahan teknologi.

(END)